

PERTANDINGAN DIKIR BARAT KARNIVAL KAMI 'SAYE' PASIR MAS 2017
ANJURAN MAJLIS DAERAH PASIR MAS

UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN DIKIR BARAT:

1.0 PENYERTAAN :

- 1.1 Terbuka kepada 10 pasukan terawal.
- 1.2 Peserta hendaklah terdiri daripada lelaki sahaja berumur 15 tahun hingga 40 tahun.
- 1.3 Setiap pasukan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada 18 peserta termasuk (1) Tok Jora, (1) Tukang Karut dan (5) orang pemuzik.
- 1.4 Tok Jogho, Tukang Karut dan Pemain muzik boleh diganti dari mana-mana peserta yang didaftarkan di dalam boring pertandingan sahaja.
- 1.5 Semua peserta dan pasukan boleh diambil dari mana-mana pasukan Amatur atau Profesional, kecuali nama-nama yang telah disenaraikan di bawah ini (Tidak dibenarkan mewakili mana-mana pasukan di dalam pertandingan ini).

SENARAI NAMA-NAMA TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Setapa Merak Mas
2. Megat Nordin
3. Mat Glamour
4. Hamid Budaya
5. Nor Kasturi
6. Saroji Sri Pulong
7. Che Daud Jula Juli Bintang Tujuh
8. Mejah Muda
9. Mohd Zin Endoro
10. Zul Wisma
11. Tuan Kob Raja Saring
12. Pak Ku Kamal

13. Cikgu Sulizi
14. Halim Yazid
15. Pak Nik Tok Deh
16. Meli Mahligai
17. Badol Thailand
18. Ramli Tumpok
19. Che Daud Tok Deh

2.0 **PERALATAN :**

2.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan tidak lebih dari enam (6) jenis alat muzik yang terdiri daripada senarai berikut :-

- a) Rebana Ibu
- b) Rebana Anak
- c) Gong (Jenis Satu Gong Sahaja)
- d) Marakas
- e) Canang (Jenis Satu Canang Sahaja)
- f) Tamborin

2.2 Pasukan yang menggunakan lebih daripada (6) jenis alat tersebut akan dikenakan penalti (potong 10 markah) atau menggunakan selain daripada (6) jenis alat di atas juga akan dikenakan penalti (potong 30 markah).

3.0 **FORMAT PERSEMBAHAN :**

- 3.1 Setiap pasukan **WAJIB** menyampaikan persembahan secara berbaris.
- 3.2 Bagi peringkat saringan, semua pasukan diberikan masa selama 20 minit untuk menyampaikan persembahan.
- 3.3 Setiap pasukan diwajibkan mempersembahkan 1 lagu Jora dan 4 jenis lagu karut seperti berikut :-

- a) Karut Yenki (Yenki pendek atau Yenki panjang)
 - b) Karut Kelantan
 - c) Karut Pathani @ Karut Matang
 - d) Lagu Wau Bulan atau lagu penutup
- 3.4 Mana-mana pasukan yang tidak mempersembahkan kesemua 4 jenis lagu karut di atas dianggap gagal.
- 3.5 3 pasukan terbaik mengikut jumlah markah terkumpul akan terpilih ke pertandingan akhir yang akan dijalankan pada malam yang akan diberitahu semasa mesyuarat pasukan pendikir dan juri.
- 3.6 Bagi pertandingan akhir, semua pasukan diberikan masa selama 20 minit untuk menyampaikan persembahan.
- 3.7 Setiap pasukan diwajibkan mempersembahkan 1 lagu Jogho dan 4 jenis lagu karut seperti berikut :-
- a) Karut Yenki (Yenki pendek atau Yenki panjang)
 - b) Karut Kelantan
 - c) Karut Pathani @ Karut Matang
 - d) Lagu Wau Bulan atau lagu penutup
- 3.8 Mana-mana pasukan yang tidak mempersembahkan kesemua 4 jenis lagu karut di atas akan dianggap gagal.
- Perhatian :**
- Apa yang dikatakan sebagai memenuhi syarat pertandingan untuk lagu Wau Bulan atau lagu penutup adalah apabila Tukang Karut yang membawa lagu tersebut telah pun selesai baginya pantun pertama dan telah disambut oleh awak-awak.
- 3.9 Penentuan pemenang (Johan, Naib Johan dan Ketiga) akan dibuat berdasarkan secara perolehan markah tertinggi.

4.0 PENGHAKIMAN DAN PEMARKAHAN :

4.1 Penghakiman akan dibuat oleh Satu Panel yang terdiri daripada :-

4 orang hakim

dan dibantu oleh :-

1 orang Penjaga Masa

1 orang Juru Acara

4.2 Pengadilan akan dibuat berdasarkan Kriteria berikut :-

1	Jogho – (suara, pantun, lagu, persoalan/mesej dan kebolehan membawa lagu)	20 markah
2	Tukang Karut – (pantun serta urutan pantun/cerita, perwatakan dan penyampaian, persoalan/mesej lagu, kreativiti dan suara)	35 markah
3	Suara Ramai – (keseragaman gerak, kesepaduan dan keharmonian suara, keaslian berdir, kesungguhan dan kreativiti)	20 markah
4	Muzik – (keaslian bunyi, kemahiran bermain, kombinasi antara alat, kreativiti dan kesesuaian dengan lagu)	15 markah
5	Pakaian dan disiplin	10 markah
	JUMLAH	100 Markah

4.3 Keputusan Hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan bertulis boleh dibuat kepada Panel Rayuan dalam masa 20 minit selepas keputusan diumumkan dengan disertakan wang pertaruhan sebanyak RM500.00 tunai. Wang tersebut akan hangus jika keputusan panel rayuan tidak memihak kepada perayu. Dan jika sebaliknya akan dipulangkan sepenuhnya. Keputusan panel rayuan

adalah muktamad dan ianya tidak boleh diangkat atau dipanjangkan ke mana-mana mahkamah.

- 4.4 Mana-mana kumpulan atau pasukan yang tidak hadir pada waktu yang telah ditetapkan atau menarik diri, denda sebanyak RM 1000 akan dikenakan.

5.0 PENGUNAAN BAHASA :

- 5.1 Persembahan berdikir boleh menggunakan samada Dialek Kelantan atau Bahasa Melayu.
- 5.2 Peserta dilarang menggunakan perkataan-perkataan lucah atau dianggap lucah.
- 5.3 Peserta dilarang sama sekali daripada menggunakan kata-kata yang sensitif yang boleh menyinggung perasaan, menyentuh peribadi orang lain atau pasukan lawan.
- 5.4 Kata-kata kesat dan yang menyentuh peribadi seperti gelar-menggelar serta sindiran tajam adalah dilarang.

6.0 TAJUK/TEMA :

- 6.1 Jawatankuasa Teknikal Pertandingan telah menetapkan bahawa setiap kumpulan perlulah menyampai Dikir Barat bertemakan;

**“ KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KEINDAHAN PASIR MAS
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

- 6.2 Peserta dilarang sama sekali menyentuh soal-soal politik, perkauman, dasar kerajaan (kecuali untuk menerangkan kebaikan dan faedah kepada rakyat), hal-hal Agama (kecuali yang bermaksud mengajak berbuat kebaikan) dan hal-hal lain yang sensitif.
- 6.3 Jika menggambarkan hal-hal antarabangsa, peserta dilarang menyentuh maruah mana-mana Negara.

- 6.4 Peserta sama sekali dilarang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Institusi Raja-Raja, Keluarga Diraja dan Hak-hak Keistimewaan Raja-Raja (kecuali untuk menerangkan kebaikan kepada rakyat).
- 6.5 Peserta dilarang menghina atau memburuk-burukkan mana-mana pemimpin Negeri atau Negara.
- 6.6 Peserta-peserta juga dilarang menyentuh perkara-perkara yang menjadi Rahsia Negara seperti soal-soal pertahanan, keselamatan dan seumpamanya.

7.0 PAKAIAN :

- 7.1 Peserta-peserta hendaklah memakai pakaian tradisional (seragam) mengikut pilihan pasukan masing-masing yang bersesuaian dengan pertandingan Dikir Barat.
- 7.2 Pakaian hendaklah sesuai dan tidak menjolok mata.

8.0 PERLAKUAN :

- 8.1 Peserta dilarang daripada menunjukkan perlakuan-perlakuan yang kurang sopan, gerak geri yang melampau yang boleh menimbulkan kemarahan mana-mana pihak atau yang boleh ditakrifkan sebagai perlakuan seks atau seumpamanya.
- 8.2 Peserta juga dilarang menunjukkan gerak laku yang melambangkan simbol-simbol dan unsur-unsur yang negatif.

8.3 Unsur-unsur penyembahan dan pemujaan atau seumpamanya juga tidak dibenarkan.

9.0 HADIAH :

9.1 Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut :-

BIL	BUTIRAN	WANG TUNAI
1	Johan	RM 1000 & Sijil
2	Naib Johan	RM 700 & Sijil
3	Ketiga	RM 400 & Sijil
	BAHAGIAN KATEGORI	
1	Jogho Terbaik	RM 100 & Sijil
2	Tukang Karut Terbaik	RM 100 & Sijil
3	Persembahan terbaik	RM 300
	SAGUHATI	
	Setiap Kumpulan	RM 100 & Sijil

10.0 HAL-HAL LAIN :

- 10.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian hendaklah menggunakan 'Borang Khas' yang telah disediakan.
- 10.2 Perkara-perkara lain yang tidak disebut dalam Undang-Undang dan Peraturan Pertandingan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Urus setia Pertandingan Dikir Barat Karnival Kami 'SAYE' Pasir Mas 2017 Anjuran Majlis Daerah Pasir Mas.
- 10.3 Sebarang pertanyaan, sila rujuk kepada :-

Urus setia

Pertandingan Dikir Barat Karnival Kami 'SAYE' Pasir Mas 2017

Anjuran Majlis Daerah Pasir Mas

Kompleks Apam Putra

17070 Pasir Mas

Kelantan.

Tel : 09-7916666 (Pejabat)

: 014-5257277 (Mohd Hafiz Bin Saani)